



LAPORAN SOAL SELIDIK PELAKSANAAN DAN KEBERKESANAN *MULTIPLE CREDENTIALS* (MuC) DI PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

DISEDIAKAN OLEH:

BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

SENARAI KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.0 Tujuan	1
2.0 Latar Belakang	1
3.0 Objektif	3-4
4.0 Metodologi Kajian	4-6
5.0 Maklumat Responden	6-8
6.0 Bahagian A: Tahap Pelaksanaan Multiple Credentials di PPT	8-16
7.0 Bahagian B: Tahap Keberkesanan Multiple Credentials dalam kalangan Institusi dan Pelajar	16-22
8.0 Bahagian C: Ulasan umum : Cabaran dan Cadangan	22-26
9.0 Penutup	27

1.0 TUJUAN

- 1.1 Laporan soal selidik ini disediakan bagi melihat tahap dan keberkesanan pelaksanaan *Multiple Credentials* (MuC) di kalangan Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) di Malaysia.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Berdasarkan Pelan Strategik MQA 2021 – 2025, Teras Strategik 2 : Ketersediaan Bakat, Strategi 2.2: Mempelbagaikan Pendekatan *Skilling*, *Reskilling* dan *Upskilling*, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDPS) telah diberi tanggungjawab untuk menyediakan satu penulisan berbentuk *Advisory Note* (AN) berhubung dengan pelaksanaan MuC yang mana diharapkan dapat mempelbagaikan kemahiran dalam penawaran dan pengiktirafan program.
- 2.2 Pelaksanaan MuC di PPT merangkumi usaha menguruskan, merekod, mengiktiraf atau menawarkan pelbagai pensijilan atau penganugerahan sebagai sebahagian atau tambahan kepada program pengajian yang ditawarkan kepada pelajar. Ia diambil oleh pelajar sepanjang tempoh program pengajian tersebut.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Menggalakkan PPT menawarkan *Multiple Credentials* (MuC) kepada pelajar, ia juga bertujuan untuk memberikan maklumat dan panduan kepada PPT bagi memastikan ia selari dengan pelaksanaan laluan pembelajaran fleksibel yang mana pelajar dapat memperoleh nilai tambah dan pengukuhan prospek kebolehpasaran apabila melibatkan pensijilan industri.
- 3.2 Memberi penjelasan kepada PPT dan badan pensijilan bagi mengesahkan kompetensi dan mempersijilkan pelajar berdasarkan modul atau kriteria tertentu.

3.3 Antara nilai tambah *Multiple Credentials* (MuC) kepada sesebuah PPT dalam negara adalah seperti berikut:

3.3.1 Sebagai suatu penjaminan kualiti terhadap program yang ditawarkan.

3.3.2 Program yang ditawarkan adalah relevan dengan keperluan industri dan mampu memberikan fleksibiliti kepada pelajar.

3.3.3 Meningkatkan kebolehpasaran graduan dalam program pengajian berkaitan.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

4.1 Kajian ini dijalankan secara atas talian (*online*) dengan menyediakan soal selidik di aplikasi *Google Form* (<https://forms.gle/KNMM39m4SKrRSa2LA>). Tempoh kajian bermula pada 8 Oktober 2024 sehingga 25 Oktober 2024.

4.2 Soalan kajian ini melibatkan beberapa jawatan / peranan di setiap institusi di Malaysia seperti berikut:

4.2.1 Pensyarah / Profesor;

4.2.2 Pentadbir;

4.2.3 Sokongan;

4.2.4 Pelajar; dan

4.2.5 Lain – lain yang berkaitan.

4.3 Soal selidik ini merangkumi tiga (3) bahagian yang menggunakan pilihan jawapan dan skala *Likert* bagi mengukur tahap pelaksanaan dan tahap keberkesanan warga PPT dalam pelaksanaan MuC ini. Skala pengukuran yang digunakan adalah seperti berikut:

Bahagian A (Tahap Pelaksanaan Multiple Credentials di PPT):

- Tempoh tahun pelaksanaan
- Bilangan program akademik yang terlibat
- Jabatan / Fakulti yang terlibat
- Adakah anda tahu mengenai *Macro*, *Meso* dan *Micro credentials*.
- Institusi anda membuat penerangan dan galakan kepada pelajar bagi mengambil *Multiple Credentials*.
- Apakah status bayaran untuk komponen tambahan (add on component) yang ditawarkan kepada pelajar selain daripada yuran pengajian biasa.
- Berapa banyak *Multiple Credentials* yang ditawarkan di institusi anda sebagai komponen tambahan (add on component).
- Adakah pelaksanaan *Multiple Credentials* di institusi anda diwajibkan kepada pelajar untuk bergraduat.
- Nyatakan peringkat / tahap program yang menawarkan *Multiple Credentials*.
- Apakah bidang utama yang dipilih pelajar untuk dijadikan komponen tambahan (add on component).
- Adakah institusi anda melaksanakan sistem rekod pelajar yang telah mengambil *Multiple Credentials* sebagai komponen tambahan (add on component).
- Adakah institusi anda mempunyai jawatankuasa penilai bagi mengiktiraf komponen tambahan (add on component) dalam *Multiple Credentials*.

Bahagian B (Tahap Keberkesanan Multiple Credentials dalam kalangan Institusi dan Pelajar):

- Skala 1- Sangat Tidak Setuju
- Skala 2- Tidak Bersetuju


- Skala 3- Bersetuju
- Skala 4- Sangat Bersetuju

Bahagian C (Ulasan umum : Cabaran dan Cadangan):

- Apakah cabaran yang dihadapi oleh institusi anda dalam melaksanakan *Multiple Credentials*.
- Apakah cadangan anda untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan *Multiple Credentials* di institusi anda.
- Sila nyatakan sebarang maklum balas atau cadangan tambahan mengenai pelaksanaan *Multiple Credentials*.

5.0 MAKLUMAT RESPONDEN


- 5.1 Tempoh yang terhad menyebabkan jumlah responden yang terlibat dalam soal selidik kurang memberangsangkan memandangkan hanya 19 orang sahaja.



Carta 1: Peranan Responden

Carta pai di atas menunjukkan peranan responden yang telah mengisi soal selidik ini. Hal ini menunjukkan bahawa staf akademik merupakan kumpulan terbesar yang mengisi soal selidik, iaitu 57% dengan jumlah seramai sepuluh (10) orang. Selain itu, pentadbir pula seramai tujuh (7) orang, bersamaan dengan 36.8%. Manakala, bagi sokongan, terdapat dua (2) orang sahaja, iaitu 10.5%. Bagi pelajar pula, tiada seorang pun responden yang mengisi soal selidik ini.


- 5.2 Sebanyak 19 Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang telah memberi maklum balas dalam soal selidik ini. Antara institusi yang terlibat ialah Universiti Awam, Universiti Swasta, Kolej Swasta, Kolej Komuniti dan Politeknik.



Carta 2: Jenis Institusi

Carta pai di atas menunjukkan jenis institusi yang terlibat dalam soal selidik ini. Dapatan menunjukkan bahawa Universiti Swasta merupakan institusi yang paling ramai mengambil bahagian, dengan lapan (8) PPT, bersamaan 42.1%. Seterusnya, Kolej Komuniti dan Institusi Swasta mencatatkan tujuh (7) PPT, iaitu 36.8%, manakala Politeknik pula sebanyak empat (4) PPT, bersamaan 21.1%.

- 5.3 Daripada 19 PPT yang telah menjawab soal selidik ini, kajian mendapati bahawa kebanyakan PPT telah melaksanakan *Multiple Credentials* di kalangan pelajar mereka.



Carta 3: Penawaran *Multiple Credentials* di PPT


Carta pai di atas menunjukkan bahawa sembilan (9) PPT telah menyatakan pernah melaksanakan *Multiple Credentials* dengan peratusan sebanyak 47.4%. Seterusnya, empat (4) PPT menjawab tidak pernah melaksanakannya, mencatatkan peratusan 21.1%. Manakala, enam (6) PPT lagi memberikan jawapan lain-lain dengan

peratusan 31.5%. Dapatan ini menunjukkan bahawa *Multiple Credentials* telah pun dilaksanakan di PPT sebelum ini dan bukan merupakan sesuatu yang baharu diperkenalkan.

6.0 BAHAGIAN A : TAHAP PELAKSANAAN *MULTIPLE CREDENTIALS* DI PPT

6.1 Bahagian ini membincangkan secara mendalam proses atau cara yang dilakukan oleh PPT dalam melaksanakan *Multiple Credentials* di kalangan pelajar.


6.2 Tempoh Pelaksanaan *Multiple Credentials* di kalangan pelajar/program



Carta 4: Tempoh Pelaksanaan *Multiple Credentials* di PPT

Carta pai di atas menunjukkan bahawa bagi tempoh pelaksanaan sekurang-sekurangnya setahun, sebanyak lapan (8) PPT yang telah menjawab bagi tempoh pelaksanaan *Multiple Credentials* di institusi mereka dengan peratusan 53.3%. Di samping itu, bagi tempoh pelaksanaan setahun sehingga tiga (3) tahun, sebanyak empat (4) PPT yang menjawab bagi tempoh pelaksanaan *Multiple Credentials* dengan peratusan 26.7%. Manakala selebihnya iaitu tiga (3) PPT menjawab tempoh pelaksanaan melebihi 3 tahun ke atas dengan peratusan 20%. Hal ini menunjukkan bahawa tempoh pelaksanaan anggaran kurang setahun sahaja. Ini akan memudahkan pelajar dapat menghabiskan program tambahan dalam tempoh pengajian mereka.


6.3 Bilangan Program yang terlibat dalam Pelaksanaan *Multiple Credentials*



Carta 5: Bilangan Program yang terlibat dalam Pelaksanaan *Multiple Credentials*

Carta pai di atas menunjukkan kebanyakan PPT menawarkan program antara satu (1) hingga sepuluh (10) program sahaja dalam pelaksanaan *Multiple Credentials* iaitu 93.3% dengan jumlah 17 PPT. Manakala, program yang ditawarkan antara 11 sehingga 50 program sebanyak dua (2) PPT iaitu dengan peratusan 6.7%. Ini menunjukkan PPT hanya menawarkan MuC kepada program-program terpilih sahaja.

6.4 Jabatan / Fakulti yang terlibat dalam pelaksanaan *Multiple Credentials*




Carta 6: Jabatan / Fakulti yang terlibat dalam pelaksanaan *Multiple Credentials*

Carta pai di atas menunjukkan bahawa Jabatan atau Fakulti Perniagaan yang paling banyak melaksanakan *Multiple Credentials* dalam kalangan pelajar iaitu 28%. Selain itu, Jabatan atau Fakulti Teknologi dan Pengurusan adalah sama banyak dalam melaksanakan *Multiple Credentials* di kalangan pelajar iaitu 22%. Manakala jabatan

atau fakulti yang sedikit dalam melaksanakan *Multiple Credentials* ialah Fakulti Kejuruteraan, Pengurusan Hotel dan Pelancongan, Matematik dan Elektrik. Dapatan ini menunjukkan bahawa program pengajian perniagaan merupakan yang paling aktif dalam pelaksanaan *Multiple Credentials* dalam kalangan semua fakulti.


6.5 Kefahaman mengenai Konsep Macro, Meso dan Micro Credentials



Carta 7: Kefahaman mengenai Konsep Macro, Meso dan Micro credentials

Carta pai di atas memberi gambaran bahawa 12 PPT hanya mengetahui sebahagian sahaja dan tidak didedahkan sepenuhnya mengenai konsep Macro, Meso dan Micro credentials iaitu 58.8%. Selain itu, sebanyak 5 PPT yang mengetahui kesemua konsep ini. Manakala, hanya dua (2) PPT yang tidak mengetahui sepenuhnya konsep ini iaitu 11.8%. Ini menunjukkan masih terdapat PPT yang masih belum mengetahui sepenuhnya mengenai konsep *Macro*, *Meso* dan *Micro credentials*.


6.6 Penerangan dan Galakan *Multiple Credentials* dalam kalangan pelajar



Carta 8 : Penerangan dan Galakan *Multiple Credentials* dalam kalangan pelajar

Carta pai di atas memberi ilustrasi bahawa 13 PPT membuat penerangan dan galakan kepada pelajar dalam melaksanakan *Multiple Credentials* iaitu 64.7%. Selain itu, sebanyak lima (5) PPT kurang kesedaran dalam menggalakkan *Multiple Credentials* di kalangan pelajar iaitu 29.4%. Manakala yang lain masih dalam perancangan dalam memberi penerangan dan galakan kepada pelajar dalam melaksanakan *Multiple Credentials* iaitu sebanyak 5.9%. Hal ini menunjukkan bahawa pihak PPT berusaha dalam memperkenalkan pelaksanaan *Multiple Credentials* kepada pelajar.


6.7 Status bayaran yang dikenakan dalam melaksanakan *Multiple Credentials*



Carta 9 : Status bayaran yang dikenakan dalam melaksanakan *Multiple Credentials*

Carta pai di atas menunjukkan lapan (8) PPT menjawab bahawa status bayaran yang dikenakan kepada pelajar dalam melaksanakan *Multiple Credentials* adalah pilihan. Hal ini menunjukkan setiap tambahan program ada yang perlu dibayar dan tidak perlu dibayar. Selain itu, sebanyak empat (4) PPT yang memilih wajib dikenakan bayaran bagi pelaksanaan program tambahan dengan peratusan 18.8%. Manakala, yang selebihnya memilih secara percuma dan masih dalam perancangan. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti pihak PPT tidak mengenakan sebarang yuran atau caj kepada pelajar dalam melaksanakan *Multiple Credentials*.


6.8 **Jumlah program yang ditawarkan sebagai program tambahan**



Carta 10 : Jumlah program yang ditawarkan sebagai program tambahan

Carta pai di atas menunjukkan 15 PPT yang menjawab soal selidik ini dengan memilih kurang daripada 50 program yang ditawarkan iaitu dengan peratusan 75%. Manakala yang selebihnya memilih masih dalam perancangan. Hal ini menunjukkan bahawa pihak PPT masih belum mendedahkan sepenuhnya kepada pelajar untuk mengambil program tambahan.

6.9 **Pelaksanaan Multiple Credentials di institusi diwajibkan kepada pelajar untuk bergraduat**




Carta 11 : Pelaksanaan *Multiple Credentials* di institusi diwajibkan kepada pelajar untuk bergraduat

Carta pai di atas memaparkan kesemua PPT tidak mewajibkan pelajar mengambil program tambahan untuk bergraduat dengan peratusan 75%. Selain itu, penawaran *Multiple Credentials* juga merupakan

pilihan kepada pelajar untuk mengambil semasa tempoh pengajian mereka. Hal ini menunjukkan bahawa pelaksanaan *Multiple Credentials* ini adalah pilihan kepada pelajar untuk mengambilnya sebagai peluang kepada mereka untuk mengkhususkan diri dalam bidang-bidang tertentu dalam bidang pengajian mereka.


6.10 **Peringkat / Tahap yang menawarkan program *Multiple Credentials***



Carta 12 : Peringkat / Tahap yang menawarkan program *Multiple Credentials*

Carta bar di atas menunjukkan bahawa peringkat Diploma paling tinggi permohonan dalam pelaksanaan *Multiple Credentials* dalam kalangan pelajar iaitu sebanyak 80%. Manakala bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana menunjukkan sama peratus iaitu 33%. Bagi peringkat PhD pula, tiada penawaran *Multiple Credentials* dalam kalangan pelajar. Hal ini menunjukkan bahawa peringkat PhD tiada menawarkan *Multiple Credentials* kerana berkemungkinan kebanyakan pelajar di peringkat itu tidak mempunyai kelapangan masa untuk mengambil program tambahan yang lain.


6.11 Bidang utama yang dipilih pelajar untuk dijadikan program tambahan



Carta 13 : Bidang utama yang dipilih pelajar untuk dijadikan program tambahan

Carta bar di atas memaparkan bidang rangkaian (networking) adalah bidang utama yang dipilih oleh pelajar untuk dijadikan program tambahan dengan peratusan 50%. Selain itu, bidang sastera merupakan bidang kedua tertinggi yang menjadi pilihan pelajar dalam mengambil program tambahan dengan peratusan 31.3%. Seterusnya, bidang sains juga merupakan pilihan yang paling dipilih oleh pelajar dalam mengambil program tambahan dengan peratusan 25%. Manakala, bidang-bidang lain juga diambil oleh pelajar, namun ia tidak mendapat pilihan yang utama yang dipilih untuk dijadikan sebagai program tambahan. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar melihat kepentingan dan kelebihan mengambil program tambahan untuk pasaran kerja masa akan datang.


6.12 **Sistem rekod pelajar yang telah mengambil Multiple Credentials**



Carta 14 : Sistem rekod pelajar yang telah mengambil *Multiple Credentials*

Carta bar di atas menunjukkan sepuluh (10) PPT tidak mempunyai sistem rekod pelajar yang telah mengambil *Multiple Credentials* dengan peratusan 43.8%. Selain itu, sebanyak enam (6) PPT yang mempunyai sistem rekod pelajar yang telah mengambil *Multiple Credentials* dengan peratusan 37.5%. Manakala yang lain dalam proses dan mempunyai sistemnya yang tersendiri.

6.13 **Jawatankuasa penilai bagi mengiktiraf program tambahan dalam Multiple Credentials**



Carta 15 : Jawatankuasa penilai bagi mengiktiraf program tambahan dalam *Multiple Credentials*

Carta bar di atas menunjukkan bahawa 12 PPT tidak mempunyai jawatankuasa penilai bagi mengiktiraf program tambahan dalam *Multiple Credentials* iaitu 56.3%. Selain itu, sebanyak lima (5) PPT mempunyai jawatankuasa penilai bagi mengiktiraf program tambahan dalam *Multiple Credentials* iaitu 31.3%. Manakala yang selebihnya


dalam proses penubuhan jawatankuasa penilai. Hal ini menunjukkan bahawa jawatankuasa penilai bagi program tambahan adalah penting dalam pengurusan pemindahan kredit dan lain – lain yang berkaitan.

7.0 BAHAGIAN B : TAHAP KEBERKESANAN *MULTIPLE CREDENTIALS* DALAM KALANGAN INSTITUSI DAN PELAJAR)

7.1 Bahagian ini menerangkan tahap keberkesanan dalam kalangan institusi dan pelajar bagi pelaksanaan *Multiple Credentials* di PPT. Mengikut skala di bawah:

- Skala 1- Sangat Tidak Setuju
- Skala 2- Tidak Bersetuju
- Skala 3- Bersetuju
- Skala 4- Sangat Bersetuju

7.2 Mendapat sambutan yang positif di kalangan pelajar




Carta 16 : Mendapat sambutan yang positif di kalangan pelajar

Carta bar di atas menunjukkan empat (4) PPT sangat bersetuju mendapat sambutan yang positif di kalangan pelajar dengan peratusan 25%. Selain itu, sebanyak lapan (8) PPT bersetuju mendapat sambutan yang positif di kalangan pelajar dengan peratusan 50%. Manakala hanya empat (4) PPT yang tidak bersetuju mendapat sambutan yang positif di kalangan pelajar dengan peratusan 25%. Hal ini membuktikan bahawa kebanyakan PPT bersetuju dengan

pelaksanaan *Multiple Credentials* mendapat sambutan yang baik di kalangan pelajar.


7.3 Mendapat sambutan yang positif di kalangan staf akademik



Carta 17 : Mendapat sambutan yang positif di kalangan staf akademik

Carta bar di atas menunjukkan empat (4) PPT sangat bersetuju mendapat sambutan yang positif di kalangan staf akademik dengan peratusan 25%. Selain itu, sebanyak tujuh (7) PPT bersetuju mendapat sambutan yang positif di kalangan staf akademik dengan peratusan 43.8%. Manakala hanya empat (5) PPT yang tidak bersetuju mendapat sambutan yang positif di kalangan staf akademik peratusan 31.3%. Hal ini membuktikan bahawa kebanyakan PPT bersetuju dengan pelaksanaan *Multiple Credentials* mendapat sambutan yang baik di kalangan staf akademik.


7.4 Meningkatkan produktiviti dan prestasi institusi



Carta 18 : Meningkatkan produktiviti dan prestasi institusi

Carta bar di atas menunjukkan lima (5) PPT sangat bersetuju meningkatkan produktiviti dan prestasi institusi dengan peratusan 31.3%. Selain itu, sebanyak sepuluh (10) PPT bersetuju meningkatkan produktiviti dan prestasi institusi dengan peratusan 62.5%. Manakala hanya satu (1) PPT yang tidak bersetuju meningkatkan produktiviti dan prestasi institusi dengan peratusan 6.3%. Hal ini membuktikan bahawa kebanyakan PPT bersetuju dengan pelaksanaan *Multiple Credentials* mampu meningkatkan produktiviti dan prestasi institusi.


7.5 Menjimatkan masa pelajar untuk mendapatkan *Multiple Credentials* sepanjang pengajian



Carta 19 : Menjimatkan masa pelajar untuk *Multiple Credentials* sepanjang pengajian

Carta bar di atas menunjukkan tujuh (7) PPT sangat bersetuju dalam menjimatkan masa pelajar untuk mendapatkan *Multiple Credentials* sepanjang pengajian dengan peratusan 43.8%. Selain itu, sebanyak sembilan (9) PPT bersetuju dalam menjimatkan masa pelajar untuk mendapatkan *Multiple Credentials* sepanjang pengajian dengan peratusan 56.3%. Manakala tiada PPT yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Hal ini menunjukkan bahawa kesemua PPT bersetuju dengan pelaksanaan *Multiple Credentials* dapat menjimatkan masa pelajar sepanjang dalam tempoh pengajian mereka.


7.6 **Menerapkan elemen-elemen *Sustainable Development Goals* (SDGs) seperti pendidikan berkualiti, pekerjaan layak atau inovasi dan infrastruktur**



Carta 20 : Menerapkan elemen-elemen SDGs seperti pendidikan berkualiti, pekerjaan layak atau inovasi dan infrastruktur

Carta bar di atas menunjukkan lima (5) PPT sangat bersetuju dalam menerapkan elemen-elemen SDGs seperti pendidikan berkualiti, pekerjaan layak atau inovasi dan infrastruktur dalam pelaksanaan *Multiple Credentials* dengan peratusan 43.8%. Selain itu, sebanyak 11 PPT bersetuju menerapkan elemen-elemen SDGs seperti pendidikan berkualiti, pekerjaan layak atau inovasi dan infrastruktur dalam pelaksanaan *Multiple Credentials* dengan peratusan 68.8%. Manakala tiada PPT yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Hal ini menunjukkan bahawa kesemua PPT bersetuju perlu menerapkan elemen-elemen SDGs seperti pendidikan berkualiti, pekerjaan layak atau inovasi dan infrastruktur dalam pelaksanaan *Multiple Credentials*.


7.7 **Penawaran *Multiple Credentials* mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan**



Carta 21 : Penawaran *Multiple Credentials* mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan

Carta bar di atas menunjukkan sembilan (9) PPT sangat bersetuju *Multiple Credentials* mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan dengan peratusan 56.3%. Selain itu, sebanyak tujuh (7) PPT bersetuju kepelbagaian kelayakan mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan dengan peratusan 43.8%. Manakala tiada PPT yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Hal ini menunjukkan bahawa kesemua PPT bersetuju dengan pelaksanaan *Multiple Credentials* ia mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan.


7.8 **Meningkatkan hubungan antara institusi dan industri dalam pengiktirafan kelayakan**



Carta 22 : Meningkatkan hubungan antara institusi dan industri dalam pengiktirafan kelayakan

Carta bar di atas menunjukkan sembilan (9) PPT sangat bersetuju pelaksanaan *Multiple Credentials* dapat meningkatkan hubungan antara institusi dan industri dalam pengiktirafan kelayakan dengan peratusan 56.3%. Selain itu, sebanyak tujuh (7) PPT bersetuju pelaksanaan *Multiple Credentials* dapat meningkatkan hubungan antara institusi dan industri dalam pengiktirafan kelayakan dengan peratusan 43.8%. Manakala tiada PPT yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Hal ini menunjukkan bahawa kesemua PPT bersetuju dengan pelaksanaan *Multiple Credentials* dapat meningkatkan hubungan antara institusi dan industri dalam pengiktirafan kelayakan.


7.9 Memenuhi keperluan industri pada masa hadapan



Carta 23 : Memenuhi keperluan industri pada masa hadapan

Carta bar di atas memaparkan tujuh (7) PPT sangat bersetuju pelaksanaan *Multiple Credentials* dapat memenuhi keperluan industri pada masa hadapan dengan peratusan 43.8%. Selain itu, sebanyak sembilan (9) PPT bersetuju pelaksanaan *Multiple Credentials* dapat memenuhi keperluan industri pada masa hadapan dengan peratusan 56.3%. Manakala tiada PPT yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Hal ini menunjukkan bahawa kesemua PPT bersetuju dengan pelaksanaan *Multiple Credentials* dapat memenuhi keperluan industri pada masa hadapan.

7.10 Pelajar berpuas hati dengan pilihan dan kualiti program tambahan yang ditawarkan



Carta 24 : Memenuhi keperluan industri pada masa hadapan

Carta bar di atas memaparkan tiga (3) PPT sangat bersetuju bahawa pelajar berpuas hati dengan pilihan dan kualiti program tambahan ditawarkan melalui pelaksanaan *Multiple Credentials* dengan peratusan 18.8%. Selain itu, sebanyak 12 PPT menyatakan bahawa pelajar berpuas hati dengan pilihan dan kualiti program

tambahan ditawarkan melalui pelaksanaan *Multiple Credentials* dengan peratusan 75%. Manakala hanya satu (1) PPT yang tidak bersetuju bahawa pelajar berpuas hati dengan pilihan dan kualiti program tambahan ditawarkan melalui pelaksanaan *Multiple Credentials* dengan peratusan 6.3%. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti bersetuju bahawa pelajar berpuas hati dengan pilihan dan kualiti program tambahan ditawarkan melalui pelaksanaan *Multiple Credentials*.

8.0 BAHAGIAN C :ULASAN UMUM : CABARAN DAN CADANGAN)

8.1 Bahagian ini menerangkan mengenai ulasan dan cadangan sekiranya institusi menghadapi beberapa cabaran dalam melaksanakan *Multiple Credentials*. Justeru, bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaannya, beberapa ulasan dan cadangan telah dikemukakan berdasarkan keperluan dan situasi institusi.

8.2 Antara cabaran yang dihadapi oleh institusi dalam melaksanakan *Multiple Credentials* seperti Jadual 1 di bawah:

Kategori	Cabaran
Pemasaran Program	- Kefahaman yang terhad untuk memasarkan program kepada umum. - Kesukaran menarik minat pelajar tempatan yang sudah terikat dengan program pengajian sedia ada.
Tenaga Pengajar dan Jadual	- Kekurangan tenaga pengajar pakar. - Jadual pengajaran yang terhad dan bilangan pensyarah yang tidak mencukupi.
Kemudahan dan Sumber	- Peralatan pengajaran yang terhad. - Kekurangan sumber akses kepada <i>Multiple Credentials</i> yang relevan dengan kokurikulum dan keperluan industri.

Kategori	Cabaran
Kesedaran dan Pengetahuan	- Tidak semua pelajar memahami konsep dan manfaat <i>Multiple Credentials</i>. - Keperluan untuk meningkatkan pendedahan dan komunikasi kepada pelajar dan pensyarah.
Silibus dan Teknologi	- Penyesuaian kurikulum dengan silibus dan teknologi Baharu yang berubah dengan pantas. - Pelarasan kurikulum untuk memenuhi keperluan industri.
Kewangan	- Keperluan pembiayaan tambahan bagi pelajar yang ingin mendapatkan sijil. - Kos tambahan yang perlu ditanggung oleh pelajar. - Kekangan kewangan untuk memulakan program baharu, terutamanya bagi institusi kecil.
Masa	Masa tambahan diperlukan untuk pelajar dan pensyarah bagi melaksanakan program ini.

Jadual 1 : Cabaran yang dihadapi oleh institusi dalam melaksanakan *Multiple Credentials*

8.3 Antara cadangan institusi untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan *Multiple Credentials* seperti Jadual 2 di bawah:

Kategori	Cadangan
Peningkatan Pengetahuan	- Mempertingkatkan pengetahuan dan kesedaran di kalangan pelajar, pensyarah dan staf yang terlibat. - Menjalankan taklimat, bengkel dan sesi penerangan berkaitan <i>Multiple Credentials</i>. - Memberikan kursus video dan audio untuk menambah kefahaman.

Kategori	Cadangan
	Meningkatkan pemahaman dan kesedaran pelajar melalui pendedahan awal seperti mewajibkan pengambilan <i>Multiple Credentials</i>.
Tenaga Pengajar dan Peralatan	- Menambah tenaga pengajar yang berkelayakan. - Menambah peralatan pengajaran dan peruntukan untuk pelaksanaan program.
Silibus dan Kurikulum	- Merancang silibus dan gerak kerja yang jelas serta memastikan ia seragam dengan program sepenuh masa. - Mengintegrasikan <i>Multiple Credentials</i> dengan kurikulum program sedia ada. - Merancang reka bentuk kurikulum yang lebih fleksibel.
Kolaborasi dengan Industri	- Melibatkan pakar industri dan pensyarah secara langsung dalam program untuk gabungan teori dan praktikal. - Bekerjasama rapat dengan penyedia latihan tanpa melibatkan kos tambahan.
Sumber dan Pembiayaan	- Memberikan sumber <i>Multiple Credentials</i> daripada pihak atasan bagi menjamin pelaksanaan yang berkesan. - Memasukkan kos <i>Multiple Credentials</i> ke dalam yuran pengajian. - Menambah peruntukan kewangan bagi menyokong pelaksanaan program.
Kesedaran dan Promosi	Melaksanakan banyak sesi taklimat dan bengkel kepada warga institusi seperti pelajar dan staf.

Kategori	Cadangan
	Memupuk kesedaran dan kefahaman tentang faedah dan kepentingan <i>Multiple Credentials</i>.

Jadual 2 : Cadangan institusi untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan *Multiple Credentials*

8.4 Antara maklum balas dan cadangan tambahan mengenai pelaksanaan *Multiple Credentials* seperti Jadual 3 di bawah:

Kategori	Cadangan Tambahan
Peningkatan Pemahaman	- Mengadakan lebih banyak sesi webinar untuk meningkatkan pemahaman di kalangan pentadbir. - Memberikan latihan dan informasi yang jelas kepada kakitangan institusi dan pelajar tentang kebaikan <i>Multiple Credentials</i>. - Menambah taklimat atau bengkel secara berterusan bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman faedah program ini.
Insentif dan Sumber	- Memberikan galakan dan insentif kepada PPT (Program Pendidikan dan Latihan) yang melaksanakan <i>Multiple Credentials</i>. - Menyediakan bantuan kewangan, sama ada penuh atau separa, kepada IPTS kecil untuk menampung kos liabiliti operasi pelaksanaan. - Meningkatkan peruntukan bagi kelayakan profesional tenaga pengajar.
Silibus dan Sistem Kerja	- Menyediakan silibus yang jelas, SOP kerja yang sistematik dan punca kuasa rujukan. - Menyelaraskan pelaksanaan <i>Multiple Credentials</i> di peringkat ibu pejabat sama seperti program sepenuh masa.

Kategori	Cadangan Tambahan
	- Memastikan tahap kesediaan institusi serta peruntukan yang mencukupi untuk institusi terlibat. - Mewajibkan pelaksanaan sekurang-kurangnya satu <i>Multiple Credential</i> untuk semua program.
Pendedahan Pensyarah	Memberikan pendedahan kepada pensyarah tentang cara penilaian untuk <i>Multiple Credentials</i> ber kredit.
Platform dan Akses	Mewujudkan satu platform khusus bagi <i>Multiple Credentials</i> yang mudah diakses oleh pelajar.
Kolaborasi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)	- KPT perlu memulakan dan menyokong pelaksanaan <i>Multiple Credentials</i> seperti Program Modul Pembangunan Profesionalisme Pelajar (3P). - KPT juga perlu memudahkan kolaborasi dengan penyedia latihan dan pemberi pendidikan tinggi (PPT)
Reka Bentuk Kurikulum	Membuat reka bentuk kurikulum yang lebih fleksibel untuk mengintegrasikan <i>Multiple Credentials</i>.
Penglibatan Pelajar dan IPT	- Menambah <i>Multiple Credentials</i> dalam program di IPT. - Memberikan pendedahan kepada pelajar dan masyarakat tentang faedah dan kelebihan <i>Multiple Credentials</i>.

Jadual 3 : Maklum balas dan Cadangan tambahan mengenai pelaksanaan *Multiple Credentials*

9.0 PENUTUP

Hasil kajian soal selidik mengenai pelaksanaan dan keberkesanan *Multiple Credentials* (MuC) di Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) akan diterbitkan bersama *Advisory Note: Multiple Credentials* No. 2/2025. Penerbitan ini juga merupakan salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dalam Perancangan Strategik MQA 2021–2025, iaitu penyediaan satu (1) laporan berkaitan pelaksanaan *Multiple Credentials* (MuC) yang telah dijalankan di PPT.